

KURSUS TATACARA PENGGUNAAN MINYAK SENJATA

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/3267-kursus-tatacara-penggunaan-minyak-senjata

IPOH, 29 Mac 18 - Satu Kursus Mengenai Tatacara Penggunaan Minyak Senjata telah diadakan di Cabang Senjata Akademi Tentera Udara (ATU) Ipoh telah dirasmikan oleh Komandan ATU, Kol Abdul Nazar bin Abdul Hamid TUDM.



Kursus yang diadakan mulai 27 hingga 29 Mac 18 ini dianjurkan oleh bahagian Sel Urus Bahanapi (SUB) dan Cawang Bantuan Kejuruteraan (CBK) MPOU - A4 dengan penglibatan seramai 15 pegawai dan 36 anggota LLP ketukangan Kejuruteraan dan Materiel dari pangkalan/unit TUDM termasuk penglibatan dari bahagian Central Inspection of Small Arm (CISA) - MPBU.



Tujuan kursus ini diadakan adalah bagi mencapai penyelarasan serta mengawal penggunaan minyak senjata, memberi pengetahuan dan pendedahan berkaitan produk terkini minyak senjata dan mengesahkan kemahiran serta mengekalkan tahap kompetensi staf dalam pengendalian serta penggunaan produk minyak senjata.



Diharapkan pada masa akan datang, kursus seperti ini dapat diadakan bagi pengetahuan dan pendedahan kepada staf TUDM agar dapat meningkatkan tahap kepakaran dalam perkhidmatan sewaktu melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan di setiap pangkalan/unit TUDM.

